

02/08/1999

IPF berdiri teguh di belakang kerajaan

KUALA LUMPUR, Ahad - Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF) mahukan sistem permuafakatan yang mensyaratkan semua parti komponen bersetuju sebulat suara terhadap sebarang permohonan menyertai gabungan itu, dihapuskan.

Presidennya, M G Pandithan, berkata ini kerana sistem itu menjadi penghalang kepada hasrat IPF untuk menyertai BN.

"Kami merayu dihapuskan sistem permuafakatan yang menjadi penghalang kepada IPF (untuk menyertai BN) kerana sistem ini sudah ketinggalan zaman," katanya dalam ucapan dasar di perhimpunan agung IPF ke-8 yang dirasmikan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razalegh Hamzah, di sini hari ini.

Pandithan yang juga bekas Naib Presiden MIC yang dipecat atas tindakan disiplin pada 1988, menubuhkan IPF pada 1989. IPF cuba menyertai BN tetapi dibantah oleh MIC.

Berdasarkan sistem permuafakatan, kemasukan mana-mana parti politik ke dalam gabungan BN perlu mendapat sokongan sebulat suara daripada semua parti komponen.

Bagaimanapun, Pandithan berkata IPF tidak akan dibubar dan sanggup menunggu walau 10 tahun lagi untuk kemasukannya ke dalam keluarga BN.

Katanya, ini kerana IPF meskipun masih berada di luar BN, akan tetap berdiri teguh di belakang kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"IPF adalah parti golongan bawahan terdiri daripada pekerja ladang dan mereka berpendapatan rendah yang kini mempunyai 500,000 ahli di seluruh negara. Oleh itu, kami mahu memainkan peranan lebih agresif dalam BN bagi memastikan mereka ini terkawal dan terpelihara di bawah payung BN.

"Hanya melalui BN akan dapat menentukan nasib masa depan masyarakat India di negara ini dan kami juga bersedia mengerakkan tenaga untuk berkempen di seluruh negara dalam pilihan raya umum nanti," katanya.

Beliau juga menyarankan ditubuhkan jawatankuasa khas bagi meneliti dan mencari jalan penyelesaian ke arah memperbaiki kelemahan masyarakat India dalam pendidikan, ekonomi dan sosioekonomi.

Katanya, walaupun masyarakat India cuma merangkumi 10 peratus daripada jumlah penduduk negara ini, generasi mudanya melakukan 30 peratus kegiatan jenayah secara keseluruhannya.

Malah, kata beliau, lebih 75 peratus masyarakat India di negara ini tidak mempunyai rumah sendiri.

"Saya tidak menyalahkan kerajaan dalam hal ini. Begitu juga dalam bidang pendidikan, lebih 85 peratus murid sekolah Tamil gagal dalam pendidikan setiap tahun," katanya.

Kira-kira 2,000 perwakilan dari 100 bahagian IPF di seluruh negara menghadiri perhimpunan sehari itu.

(END)